


LENSA AKADEMIKA

JABATAN PENGAJIAN AM | POLITEKNIK PORT DICKSON



BERITA JABATAN PENGAJIAN AM | 2024



“BETTER
EDUCATION
FOR BETTER LIFE”



Jabatan Pengajian Am
www.polipd.mypolycc.edu.my



EDISI
2024



LENSA **AKADEMIA**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, JABATAN PENGAJIAN AM | POLITEKNIK PORT DICKSON

2024

NOR KHAYATI BINTI BASIR
DR. DIANA BINTI AHMAD BUSRA
NURUL FATHIHA BINTI IBRAHIM
SUSAN S MAGALLANES

Jabatan Pengajian Am
Politeknik Port Dickson
KM 14, Jalan Pantai 71050 SiRusa
Negeri Sembilan
No. Tel : 06-6622000
No. Faks : 06-6622026
www.polipd.edu.my

Terbitan Pertama 2025

Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta buku ini adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya, tanpa izin bertulis daripada Politeknik Port Dickson.

Diterbitkan oleh
Politeknik Port Dickson
KM 14, Jalan Pantai 71050 SiRusa
Negeri Sembilan



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
eISBN 978-629-7643-62-5

Kata Alu-Aluan **TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat dan Inayah-Nya, penerbitan Lensa Akademia oleh Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson dapat direalisasikan dengan jayanya.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Pengajian Am, khususnya jawatankuasa editorial yang telah menunjukkan dedikasi, iltizam dan komitmen tinggi dalam memastikan penerbitan ini dapat diterbitkan dengan cemerlang. Usaha ini secara tidak langsung mencerminkan budaya kerja berpasukan yang profesional, dinamik dan berorientasikan kualiti dalam kalangan pensyarah serta pelajar.

Penerbitan Lensa Akademia JPA ini berperanan sebagai wahana strategik dalam menyampaikan informasi, mengetengahkan pencapaian akademik, serta mendokumentasikan pelbagai aktiviti jabatan yang menyumbang kepada kecemerlangan institusi secara holistik. Lebih daripada itu, ia menjadi medan intelektual yang merangsang budaya ilmu dan menggalakkan pemikiran kritis serta reflektif dalam kalangan warga politeknik.

Saya amat berharap agar Lensa Akademia ini terus menjadi medium komunikasi yang efektif, memperkukuh jaringan kolaborasi akademik serta mengukuhkan ukhuwah dalam komuniti kampus. Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini mendapat keberkatan dan seterusnya memberi impak positif terhadap kecemerlangan institusi secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

YM Ts. Dr. Hj. Engku Shahrulreizal bin Hj. Engku Ab Rahman
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Port Dickson



Setitis Tinta Pembuka Bicara KETUA JABATAN

“Janganlah menolak sesuatu yang baru, karena segala kebaikan berada pada sesuatu yang baru. Tidak ada jalan menuju kesuksesan yang singkat, selalu ada proses dan kerja keras yang harus dilakukan.”

-BUYA HAMKA-

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran saya zahirkan hanya bagi Allah Subhanahu wa Taála kerana dengan keizinan dan limpahan rahmat-Nya untuk setiap pencapaian dan kecemerlangan yang dilakar Jabatan Pengajian Am sepanjang tahun #Fantastic2024. Kejayaan ini pastinya merupakan manifestasi kolektif idea, usaha gigih dan sokongan padu berterusan pasukan Jabatan Pengajian Am. “Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang”. Terima kasih buat semua warga JPA yang telah bekerja keras dan bertungkus lumus. *All of you are Amazing!*

Sebagai pendidik, tanggungjawab kita adalah memastikan lahirnya generasi bangsa yang berilmu, beradab, berkemahiran, matang dan berdaya saing bagi mendepani tantangan persekitaran BANI (*Brittle, Anxious, Non-Linear, Incomprehensible*). Saya percaya ini bukanlah satu tugas yang kecil dan enteng. Oleh itu, kita mesti bekerja sebagai satu kumpulan. JPA mesti menjadi satu pasukan yang kuat dan cekap. Tuntasnya, kita mesti memahami aspirasi yang diterjemahkan melalui visi, misi dan hala tuju Politeknik Port Dickson khasnya dan POLYCC amnya.

Akhirul kalam, sebesar-besar tahniah dan syabas pasukan Sidang Redaksi Lensa Akademia. Semoga kejayaan yang diraih menjadi inspirasi dan motivasi untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik pada masa hadapan. Bersama-sama kita membina harapan dan impian bersama untuk tahun #Amazing2025 agar Jabatan Pengajian Am terus memimpin kebaikan dan kecemerlangan, insya-Allah.

#GreaterJPA#buatbetul-betul#buatsampaijadi

Cik Umi Syahidah binti Anuari
Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Port Dickson

Dari Meja KETUA EDITOR



Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana Jabatan Pengajian Am dapat merealisasikan penerbitan sulung Lensa Akademia edisi 2024. Berita ini telah memaparkan catatan 1001 kenangan *success story* yang telah dicapai sepanjang tahun 2024. Dengan penerbitannya, maka sebahagian besar aktiviti dan pencapaian staf JPA dapat dicatat dan direkodkan secara maya sebagai kenangan pada masa hadapan. Sesungguhnya kejayaan yang dicapai menggambarkan komitmen dan semangat jitu semua warga JPA dalam mendokong dan merealisasikan KPI jabatan dan misi institusi. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ketua Jabatan, Ketua Kursus Unit Pendidikan Islam dan Unit Bahasa Inggeris atas sokongan sehingga terhasilnya Lensa Akademia 2024. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan sidang redaksi dan seluruh warga JPA yang telah menyumbang tenaga dan idea yang dinamik. Semoga usaha murni ini dapat memberikan manfaat kepada warga JPA dan seluruh masyarakat umumnya dalam melonjakkan institusi TVET di persada dunia.

Nor Khayati binti Basir

Ketua Editor

Buletin Lensa Akademia

Jabatan Pengajian Am

Politeknik Port Dickson

SIDANG REDAKSI

Penaung

Ts. Dr. Hj. Engku Shahrulreizal bin
Hj. Engku Ab Rahman

Penasihat

Umi Syahidah binti Anuari

Ketua Editor

Nor Khayati binti Basir

Sidang Editor

Dr. Diana binti Ahmad Busra
Susan S Magallanes

Reka bentuk grafik

Nurul Fathiha binti Ibrahim



ISI KANDUNGAN

01

KATA
ALU-ALUAN

i - ii



02

SIDANG
REDAKSI

iii



03

CARTA
ORGANISASI

iv



04

PROGRAM DAN
AKTIVITI

1 - 18



05

PENCAPAIAN
STAF

19 - 29



06

PENGIKTIRAFAN
STAF

30 - 37



07

CORETAN
AKADEMIA

38 - 46



08

RAKAN
KOLABORASI

47 - 49



LENSA AKADEMIKA

PROGRAM & AKTIVITI



 UNIT BAHASA INGGERIS

 UNIT PENDIDIKAN ISLAM


Program Gotong Royong JPA

‘Dust to Diamond’

Jabatan Pengajian Am sedang berusaha dalam meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan ruang kerja pensyarah, perkarangan kawasan pejabat termasuk pantri, surau, bilik rehat, bilik istirahat, bilik rekreasi serta bilik fail seiring dengan azam permulaan tahun 2024 yang lebih cemerlang.

Program Gotong-Royong ‘Dust to Diamond’ tersebut telah diadakan dan melibatkan semua staf JPA. Satu sesi bersenam bersama Pegawai Sukan, En Yusi melengkapkan lagi perisian program ini dengan aktiviti ringkas regangan badan. Objektif program ini adalah untuk merapatkan silaturahmi, memupuk semangat dan kerjasama seluruh warga JPA.

Semoga transformasi JPA ini dapat menyemarakkan semangat warga JPA supaya bekerja dengan lebih efisien dan cemerlang.



Bengkel Transformasi *Greater JPA*

Khamis, 18 Januari 2024



SATU sesi perkongsian yang bertajuk Bengkel Transformasi *Greater JPA : Bina Uji Bakat* oleh dua orang pensyarah Puan Julie Marlina Hasan dan Puan Ribhan Ibrahim telah berlangsung dengan jayanya. JPA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian penceramah yang berkongsi pengalaman dan amalan terbaik mereka dalam tatacara dan proses kriteria kecemerlangan kenaikan pangkat PPPT DH.

Sesi ini dimanfaatkan dengan perkongsian pengalaman peserta bengkel tersebut yang sudi memperkaya pengetahuan semua staf JPA yang hadir.



Selain itu, sesi soal jawab yang berkesan melibatkan semua peserta, menambah lagi dimensi interaktif yang bernilai pada bengkel hari ini.

Diharapkan Bengkel Transformasi *Greater JPA: Bina Upaya Bakat* dapat menjadi sumber ilmu berharga bagi para peserta dan seterusnya mengorak langkah kejayaan setiap pensyarah JPA pada masa hadapan.





LAWATAN PENANDAARASAN DAN KESERAKANAN KE PUO

Seramai lebih kurang 12 orang pensyarah Pengajian Am, Politeknik Port Dickson hadir ke Politeknik Ungku Omar bagi menimba ilmu dan panduan dalam pengurusan Pusat Ujian TOEIC di samping mendapatkan input amalan terbaik berkaitan pelaksanaan PdP dan bertukar pendapat serta pengalaman kerja.

ISNIN | 29 JANUARI 2024 | PUO, IPOH

Sesi perkongsian amalan baik juga telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Akademik PUO, Ts. Dr Izwah binti Ismail.

Seterusnya perkongsian ringkas mengenai amalan terbaik JPA PUO dikongsikan oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Puan Haniza Norlin Md Yusof, sebelum sesi mesyuarat bersama pihak Eshia & Associates Sdn Bhd, test Centre Malaysia (TOEIC&TOEFL) mengambil tempat melalui aplikasi dalam talian, Zoom.



TAKLIMAT PENGENALAN JABATAN PENGAJIAN AM

MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) SESI II: 2023/2024

Slot Taklimat Pengenalan Jabatan Pengajian Am oleh Ketua Jabatan, Cik Umi Syahidah Binti Anuari telah diadakan sebagai suatu langkah penting untuk pelajar-pelajar semestar satu mengenali JPA. Ketua kursus Unit Pendidikan Islam, Cik Mimi Aineen dan Ketua Kursus Unit Bahasa English, Cik Chong Ling Ling turut hadir bersama menceriakan slot taklimat tersebut.

Taklimat ini menyentuh aspek-aspek seperti kursus-kursus yang ditawarkan, kemudahan akademik, serta program dan aktiviti yang disediakan untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang seimbang dan bermakna.

Sesi taklimat ini diharapkan dapat membekalkan para pelajar baru dengan pengetahuan yang diperlukan untuk memulakan pengembaraan akademik mereka dengan keyakinan yang tinggi.

"BERSAMA MELAKAR CITA-CITA"





OBJEKTIF PROGRAM

Program ini dilaksanakan sebagai usaha memberikan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat khususnya generasi muda akan trend sambutan hari kekasih yang dilarang dalam Islam. Promosi *Say No to Valentine's Day* perlu diadakan secara berterusan bagi memastikan generasi Islam mengamalkan budaya dan nilai kasih sayang yang sebenar seperti yang dianjurkan dalam ajaran Islam. Pelaksanaan program ini merupakan anjuran bersama rakan strategik daripada pihak Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS, Port Dickson).

Menjayakan kolaborasi strategik bersama Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) melalui agensinya JHEAINS Port Dickson.

Mengukuhkan kefahaman dan kesedaran amalan Islam di dalam kehidupan para pelajar dan warga PPD umumnya.

ISLAM IS THE WAY OF LIFE




Panelis jemputan yang memberikan pengisian ilmu ialah :

1. Ustaz Ahmad Adnin bin Roslan
2. Pn. Nur Affina Yanti Jamalludin (Fynn Jamal)
3. En. Abdul Rahmad bin Kasim (Man Raja Lawak)

Peserta turut diberikan Taklimat Enakmen Jenayah Syariah 92 (EJSNS92) oleh Unit Penguatkuasaan JHEAINS.


BENGKEL MODERASI

RUBRIK PEMARKAHAN KURSUS DUE 10012



Bengkel ini dianjurkan oleh Unit Bahasa Inggeris, DUE 10012 *Team* dan *Staff Training Team* dengan kehadiran penceramah jemputan iaitu Pn. Latenazuraini Saari dan Pn. Aziha Mohd Nor dari PRIP PPD. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk menyelaraskan pemahaman serta pelaksanaan rubrik pemarkahan dalam kursus DUE 10012 agar penilaian dapat dijalankan secara konsisten dan adil.

Para peserta telah menunjukkan penglibatan aktif dalam perbincangan serta perkongsian amalan terbaik bersama penceramah.



SEMARAK RAMADAN @POLYCC MALAYSIA



Pusat Islam, Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) telah menjayakan program Semarak Ramadan @PolyCC Malaysia bermula 1 sehingga 3 Aril 2024 bersamaan 21-23 Ramadan 1445H dengan tema *Meriah Rahmah Mendamba Mardhatillah*. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program berlangsung. Antaranya Majlis Khatam Al-Quran Perdana, Dapur Rahmah @PolyCC Ramadan : Bubur Lambuk dan Majlis Iftar Perdana @PolyCC. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Ketua Pengarah PolyCC Malaysia, YBrs. Dr. Mohd Zahari bin Ismail sebagai perasmii program dan pengarah-pengarah PolyCC sekitar Negeri Sembilan dan Melaka.



TAUSIYAH RAMADAN

PENGISIAN ROHANI REFLEKSI KENDIRI

Siri Tausiyah Ramadhan

SUHAIMI SAAD

YUSNIZAM YAHAYA

MOHD SABRI ALIAS

DR. ALIAS MAT SAAT



13 MAC 2024



20 MAC 2024



27 MAC 2024



3 APRIL 2024



Program ini merupakan sesi tazkirah sempena Bulan Ramadhan kepada warga JPA dan PPD umumnya. Pengisian di sampaikan oleh empat orang penceramah secara berkala iaitu Ustaz Suhaimi bin Samad, Ustaz Yusnizam bin Yahaya, Ustaz Sabri bin Alias dan Ustaz Dr Alias bin Mat Saad. Bertemakan penawar bagi hati yang bersesuaian dengan suasana bulan Ramadhan yang menekankan proses penyucian jiwa untuk mencapai matlamat ibadah puasa itu sendiri iaitu ketaqwaan. Aktiviti seperti ini harus dibudayakan sebagai inisiatif mengeratkan hubungan dalam kalangan kakitangan.

“
Ramadan ialah madrasah yang mendidik jiwa, bulan penuh rahmat dan keampunan serta dilipat gandakan pahala amalan.”
”





Kapsul Ramadan 1445H

Kapsul Ramadan 2.0 Bersiri Harian Sepanjang Bulan Ramadan 1445H/2024 ini ialah Produksi Khas Bersempena Ramadan Kareem dan diterbitkan oleh Jabatan Pengajian Am (JPA), Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Menampilkan gandingan asatizah daripada JPA dan warga JHEAINS dengan pelbagai kupasan topik Ramadan. Semoga usaha ini dapat memberikan manfaat kepada semua warga Politeknik Port Dickson dan masyarakat umumnya.

Siri Kapsul Ramadan boleh diakses pada pautan berikut :

<https://www.youtube.com/@jpapolipd5368>





Meet, Great & Excel

bersama
Pengarah PPD

RABU | 17 APRIL 2024 | BILIK MESYUARAT ZA'ABA

Cerita kami

Meet, Greet & Excel 2024 bersama Pengarah Politeknik Port Dickson, Tuan Haji Hasan bin Sharif sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024. Majlis turut diserikan juga dengan kehadiran Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Encik Razali bin Bakri.



FESTIVAL KESENIAN ISLAM

SELASA | 23 APRIL 2024 | DEWAN WAWASAN



PROGRAM DISERIKAN
DENGAN PENGLIBATAN
PAMERAN FALAK OLEH
PIHAK JHEAINS

Telah berlangsung Festival Kesenian Islam (FKI) 2024 anjuran Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson dengan jayanya pada 23 April 2024. Program ini bertujuan untuk mencungkil bakat seni Islam para pelajar di samping menyuburkan syiar Islam di dalam kampus.




Sebanyak lima acara yang telah dipertandingkan melibatkan hampir 200 orang pelajar dan sesi penjurian oleh para Pensyarah Politeknik Port Dickson. Semoga usaha ini dapat menarik minat para pelajar terhadap kesenian Islam.

2024



2024

ACE MEDIA



ACE MEDIA

ACE MEDIA



ACE MEDIA

ACE MEDIA



2024

2024



ACE MEDIA

PSH

Creative Works Project

Program ini memfokuskan kepada masyarakat Kampung Jepak, SMK Kemena dan Lembaga Kebajikan Anak Yatim (PERYATIM) di Sarawak. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah dengan kerjasama Panitia Bahasa Inggeris telah mengambil inisiatif dengan mengundang pensyarah Bahasa Inggeris dari Politeknik Port Dickson untuk menyediakan program bersesuaian khas terhadap para pelajar mereka. Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan motivasi pelajar terhadap Kertas 3 Bahasa Inggeris Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

MAJLIS MENANDATANGANI AKU JANJI AGIHAN WAKALAH ZAKAT



ZAKAT SEJUTA MANFAAT BUAT UMAT

Telah berlangsung Majlis Menandatangani Aku Janji Agihan Wakalah Zakat antara pihak Politeknik Port Dickson dan MAINS. Simbolik penyerahan cek cura telah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha (Operasi) MAINS, Dato' Nor Azmi Musa dan diterima Pengarah, Politeknik Port Dickson, Encik Hasan Mohd. Sharif. Turut hadir ialah Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Port Dickson, Ts. Dr. Engku Shahrulerizal Engku Ab Rahman dan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Politeknik Port Dickson, Ahmad Zaidi Mispan.



PROGRAM *BRIGHTPATH*

"Empowering Practices,
Inspiring Innovation"

SELASA | 30 JULAI 2024 |
DEWAN KULIAH 5

BERITA UPIK

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) JPA telah menganjurkan *Program Brightpath* yang bertemakan "*Empowering Practices, Inspiring Innovation.*" Tiga orang penceramah telah diundang khas untuk sesi perkongsian ilmu dan pengalaman.

Cik Masniza Mansor (JPPKK) telah dijemput untuk berkongsi tentang Amalan Baik (*Best Practices*) dalam TVET. Manakala Ustaz Wan Tarmizi (KK Pasir Mas) telah berkongsi pengalaman beliau dalam pembangunan projek inovasi dan Ustaz Muhamad Faizal Ahmat (PKS) menyampaikan perkongsian pengalaman beliau dalam penghasilan produk inovasi yg dikomersialkan.

Terima kasih diucapkan kepada semua penceramah dan syabas kepada penganjur program. Semoga warga JPA dapat memanfaatkan ilmu dan pengalaman yang telah diperoleh serta menjadi suntikan semangat untuk membudayakan inovasi dlm kehidupan.



UINSU INBOUND MOBILITY @ Politeknik Port Dickson

8-14 September 2024



Seramai 23 orang pelajar dan pensyarah telah menyambut ketibaan delegasi Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UINSU) di KLIA bagi program UINSU INBOUND MOBILITY @ Politeknik Port Dickson. Politeknik Port Dickson menerima lawatan Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UINSU) dari Negeri Sumatera Utara bermula pada 8 September 2024 sehingga 14 September 2024. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang kehadiran mereka di Politeknik Port Dickson seperti majlis perkongsian ilmu bersama semua jabatan, program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), bersukan dan lain-lain lagi.

POLITEKNIK MALAYSIA **eLearning** **POLIPO SHOUT!TWEET** **MOH DONGA @POLIPO**

BRIDGING CULTURE
UINSU MEETS PRO
12.09.2024 (THURSDAY)
8.30PM LIVE

Lingga Sahara Ritonga
Amanda Siregar
English Education Department

Muhammad Akif Bin Mazri
Electrical Engineering
Department

LIVE **SUBSCRIBE** **Tune in NOW!**



FESTIVAL BAHASA & BUDAYA

SELASA | 10 SEPTEMBER 2024 |
DEWAN WAWASAN

Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Port Dickson dengan kerjasama strategik antara Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Sembilan dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan Festival Bahasa dan Budaya 2024.



Pelbagai pertandingan telah dilaksanakan. Antaranya ialah *Explorace*, *Spelling Bee*, *Pictionary*, *Citra Malaysia – Menu Malaysia* dan *Busana Tradisional*, *Tulisan Khat*, *Seni Kaligrafi*, *Deklamasi Sajak*, *Lukisan Batik* dan *Permainan Tradisional* seperti *congkak*, *batu seremban* dan *getah urat*. Selain itu, turut diadakan *Wacana Ilmu Bersama* Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Negeri Sembilan dan *Sesi Interaktif* bersama *Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*.



Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Pengarah PPD, Tn. Hj Hasan bin Mohd Sharif. Majlis Penutup ini turut dihadiri oleh Pn. Mimi Wahida binti Mohamad Isa yang mewakili Pengarah JKKN N.S dan En. Muhamad Hafizi bin Yahaya dari *Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan*.



Persembahan majlis penutup diserikan dengan tarian dan nyanyian yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar kebudayaan daripada *Jabatan Sukan, Ko-kurikulum dan Kebudayaan (JSKK)* dan *Kelab Bahasa Tamil*. Melalui program ini diharapkan para pelajar PPD dapat menyemarakkan minat bahasa dan memupuk semangat cintakan budaya Malaysia.

KURSUS EXPLORACE HAJI



DENGARKAN SERUAN HAJI, PERSIAPKAN DIRI DENGAN BAIK



Pusat Islam, Politeknik Port Dickson (PPD) dengan kerjasama Tabung Haji cawangan Port Dickson telah menganjurkan kursus 'Explorace Haji' pada 15 Oktober 2025 dengan matlamat utama untuk meningkatkan pengetahuan pelajar PPD tentang kepentingan dan tatacara pelaksanaan ibadah Haji. Kursus ini turut membantu mereka mendalami persiapan secara fizikal, mental, dan spiritual sebelum menunaikan haji sebagai salah satu Rukun Islam. Diharapkan kerjasama aktif antara dua organisasi dapat diteruskan untuk memberi lebih banyak manfaat kepada para pelajar dan staf PPD.



2024

PENCAPAIAN STAF





"RESEARCH IS TO SEE WHAT EVERYBODY ELSE HAS SEEN, AND TO THINK WHAT NOBODY ELSE HAS THOUGHT"

ALBERT SZENT-GYORGYI



KPI 16 PENYELIDIKAN

MEMBUDAYA PENYELIDIKAN & INOVASI



"RESEARCH IS CREATING NEW KNOWLEDGE"
-Neil Amstrong-



Sekalung Penghargaan

TAHNAH

FATIN IZATI MOHD TAHER
ZAH RATUN SAKINAH BINTI JAMALUDDIN
NOR KHAYATI BINTI BASIR

atas sumbangan kertas penyelidikan bertajuk

NMM PRO

dalam penerbitan

**E-PROCEEDING
INTERNATIONAL BORNEO INNOVATION EXHIBITION & COMPETITION
(IBIEC) 2024**



Sekalung Penghargaan

TAHNAH

DR. DIANA BINTI AHMAD BUSRA, SUSAN S. MAGALLANES,
NOOR ALINA BINTI NAMAMI

atas sumbangan kertas penyelidikan bertajuk

**DEVELOPING A MOBILE-ASSISTED LANGUAGE LEARNING (MALL) APPLICATION
TO SCAFFOLD ESL STUDENTS' SPEAKING SKILLS IN UNSUPPORTIVE
ENVIRONMENTS**

dalam penerbitan

**JOURNAL OF TECHNICAL AND SOCIAL SCIENCES 2024
INTERNATIONAL RESEARCH AND INNOVATION CONFERENCESI
(IRIC 2024)**

Sekalung Penghargaan



TAHNIAH

DR. KHAIRANI BINTI KAHARUDDIN
atas sumbangan kertas penyelidikan
bertajuk

**ELEMEN PEMBANGUNAN JATI DIRI RENAJA DI PUSAT
PEMULIHAN AKHLAK MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

dalam penerbitan

**E-JOURNAL
ATTARBAWIY MALAYSIAN ONLINE JOURNAL OF EDUCATION
VOL.8 NO.1 (2024)**

Sekalung Penghargaan



TAHNIAH

RIBHAN BINTI IBRAHIM
atas sumbangan kertas penyelidikan
bertajuk

**PENGAPLIKASIAN HADITH DALAM PENTAFSIRAN
AYAT FIQH IBADAT TAFSIR AL-AZHAR**

dalam penerbitan

**E-PROCEEDING
THE 9TH INTERNATIONAL CONFERENCE ON NABAWI HERITAGE
(SWAN 2024)**

INTERNATIONAL

Sekalung Penghargaan



TAHNIAH

**MELOR BINTI AMRAN, NOR KHAYATI BINTI BASIR,
RAFIZAH BINTI DAUD**

*atas sumbangan kertas penyelidikan
bertajuk*

**KNOWLEDGE, ATTITUDE, AND PRACTICE TOWARD THE USE OF PERSONAL
AUDIO DEVICES AMONG HIGH EDUCATION STUDENTS**

dalam penerbitan

**E-PROCEEDING
INTERNATIONAL INNOVATIVE RESEARCH & INDUSTRIAL DIALOGUE
(IIRID) 2024**

NATIONAL

Sekalung Penghargaan



TAHNIAH

DR. KHAIRANI BINTI KAHARUDDIN
*atas sumbangan kertas penyelidikan
bertajuk*

**STRATEGI PERANCANGAN AKTIVITI
PENGKOMERSIALAN : PERSPEKTIF POLITEKNIK**

dalam penerbitan

**E-PROCEEDING
NATIONAL POLYCC TECHNOLOGY TRANSFER CONFERENCE 2024
(NTTC'S 2024)**

NATIONAL

Sekalung Penghargaan



TAHNIAH

MELOR BINTI AMRAN & NOR KHAYATI BINTI BASIR

*atas sumbangan kertas penyelidikan
bertajuk*

**AWARENESS AND KNOWLEDGE OF CARPAL TUNNEL SYNDROME AMONG
TEACHERS PARTICIPATING IN THE LIFE-LONG LEARNING (PSH) COURSE**

dalam penerbitan

**E-PROCEEDING
INTERDISCIPLINARY RESEARCH OF BUSINESS, SOCIAL AND
HEALTH MANAGEMENT 2024**

SYABAS DAN TAHNIAH

"RESEARCH IS CREATING NEW KNOWLEDGE"

-Neil Amstrong-

"Research is to see what
everybody else has seen,
and to think what nobody
else has thought"

-ALBERT SZENT-GYORGYI-

Disediakan oleh : Team UPIK JPA PPD

**2024
AWARD**



"RESEARCH IS TO SEE WHAT EVERYBODY ELSE HAS SEEN, AND TO THINK WHAT NOBODY ELSE HAS THOUGHT"

ALBERT SZENT-GYORGYI



KPI 17 INOVASI

MEMBUDAYA PENYELIDIKAN & INOVASI



"RESEARCH IS CREATING NEW KNOWLEDGE"
-Neil Amstrong-

MYIPO-CRLY2024M05739



Sekalung Penghargaan

TAHNIAH

**DR. DIANA BINTI AHMAD BUSRA
SUSAN S. MAGALLANES
NOOR ALINA BINTI NAMAMI**

*atas sumbangan
penghasilan produk inovasi yang diaplikasikan*

MY SPEAKING BUDDY 1.0

2024





LATIHAN SIP

Tahniah

atas kejayaan terpilih dan menamatkan
**Program Sangkutan Pensyarah
di Industri**



MOHAMAD NIZAR BIN MAHZIR



NOOR DARLIZA BINTI M. ZAMRI



NURHAYATI BINTI GHAZALI



PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM PENTERJEMAHAN PROFESIONAL

Tahniah

atas kejayaan terpilih dan menamatkan
Program **Pentauliahan Profesional dalam
Penterjemahan Profesional JPPKK**
serta pengiktirafan sebagai **Ahli Seumur
Hidup Persatuan Penterjemah Malaysia**



NOOR DARLIZA BINTI M. ZAMRI

NURUL FATHIHA BINTI IBRAHIM

NOOR FAZREENA BINTI ABD WAHAB

Tahniah

ATAS PENCAPAIAN ANUGERAH

Pembentang Terbaik (Kategori Education, Teaching & Learning) dalam pembentangan kertas penyelidikan inovasi bertajuk **Developing a mobile-assisted language learning (MALL) application to scaffold ESL students speaking skills in unsupportive environments** di International Research and Innovation Conferences (i-RiC 2024) yang berlangsung pada 24 & 25 Julai 2024 bertempat di Politeknik Nilai.



Dr Diana binti Ahmad Busra



Awards

- Gold
- Silver
- Bronze
- Best Poster
- Best Video
- Best Extended Abstract
- Best Paper


IMPORTANT DATES

RESEARCH PAPER	
Abstract Submission (Early Bird)	15 July 2024
Abstract Submission Deadline	19 June 2024
Full Paper Submission Deadline	19 June 2024
Payment Deadline	19 June 2024

PRODUCT INNOVATION	
Registration	15 June 2024
Final Poster, Video Product Creation	19 June 2024
Payment Deadline	19 June 2024
Product Assessment	19-22 July 2024

Developing a mobile-assisted language learning (MALL) application to scaffold ESL students' speaking skills in unsupportive environments.

PhD (Ed), MA (EdTech & TESOL), B.Ed (Innov) TESOL, Politeknik Port Dickson, Malaysia Role: Lead researcher, author	B.Ed (Innov) TESL, Politeknik Port Dickson, Malaysia Role: Researcher, author	B.Ed (Innov) TESL, Politeknik Port Dickson, Malaysia Role: Researcher, author	B.Eng (Information), International Islamic University, Malaysia Role: App developer, author




Tahniah ATAS PENCAPAIAN ANUGERAH



Noor Darliza binti
Mohd Zamri

Anugerah Perak dalam kategori Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Pendidik) dalam pertandingan Third International Competition on Sustainable Education 2024 (SUSED 2024) yang berlangsung pada 20-28 Julai 2024.



Tahniah ATAS PENCAPAIAN ANUGERAH



Nor Khayati binti Basir

Terpilih antara 17 Amalan Terbaik Projek Inovasi bertajuk NMM Pro Education Platform dalam Best Practice in General Studies & STEM (**BiGS 2024**) anjuran Bahagian Kurikulum JPPKK yang telah berlangsung pada 22 Ogos 2024 secara hibrid.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

BiGS 2024

SECARA DALAM TALIAN

BEST PRACTICES IN GENERAL STUDIES & STEM

PEMBENTANGAN 17 AMALAN TERBAIK

🕒 22 OGOS 2024 | KHAMIS
9:00 PAGI - 5:00 PETANG

PERASMIAN PENUTUP
En. Mohd Noor Shahudin (AMK)
Pegawai Kanan (Akademik)
JPPKK

PERKONGSIAN ILMU
LAr. Dr. Rohaniah Mohd Nor
JPPKK

Tool Kit Promosi Mampuan (TKProm) bagi
Menggalakkan Pembudayaan Mampuan di PolyCC

UCAP UTAMA
Prof. Madya Dr. Farrah Dina Yusop
Fakulti Pendidikan, UM

*From Knowledge Consumers to Knowledge Producers:
Innovating Education for the Future*

ANJURAN:
Unit Pengajian Umum
Seksyen Sains Sosial dan Perkhidmatan
Bahagian Kurikulum
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

DAFTAR SEKARANG <https://forms.gle/mec2w4z4ytAGz8>

SIJIL KEHADIRAN DISEDIAKAN

<https://www.facebook.com/bigsjppkk2019>
<https://www.youtube.com/@KKKL.aORIGINAL>



GREATER JPA

PENGIKTIRAFAN LUAR



Tahniah

atas lantikan sebagai

AHLI PANEL PENILAI MQA

daripada

MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY
(MQA)



DR. ALIAS BIN MAT SAAD
PENSYARAH UTAMA

Tahniah

atas lantikan sebagai

PROFESOR ADJUNG

daripada

JESSELTON UNIVERSITY COLLEGE
IN EDUCATION MANAGEMENT

ANUGERAH IKON WANITA-WOMAN OF INFLUENCE

daripada

INTERNATIONAL TRANSNATIONAL
EDUCATION ASSOCIATION

**DARJAH PEKERTI
TERPILIH (D.P.T)**

daripada

YANG DIPERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN

VICE PRESIDENT

daripada

NGO
BE MY PROTECTOR
MALAYSIA



DR. ISDAWATI BINTI ISMAIL
PENSYARAH UTAMA

Tahniah

atas lantikan sebagai

**PEMBIMBING IBADAH HAJI
TANAH AIR (PEKTA)
PEMBIMBING HAJI TANAH SUCI**

daripada

TABUNG HAJI MALAYSIA

**PEMEGANG
TAULIAH AGAMA**

daripada

JABATAN MUFTI
KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN



UST. HJ. SUHAIMI BIN SAMAD
PENSYARAH KANAN

Tahniah

atas lantikan sebagai

PEMEGANG TAULIAH AGAMA

daripada

JABATAN MUFTI
KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN

GURU TAKMIR

daripada

JABATAN HAL EHWAL
AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN



UST. MOHD SABRI BIN ALIAS
PENSYARAH KANAN

Tahniah

atas lantikan sebagai

PANEL HAKAM SYARIE

daripada

BAHAGIAN ENAKMEN UNDANG-UNDANG
KELUARGA ISLAM
MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN

PEMEGANG TAULIAH AGAMA

daripada

JABATAN MUFTI
KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN

RAKAN PEMBIMBING AKRAB MALAYSIA

daripada

BAHAGIAN PENGURUSAN
PSIKOLOGI
JABATAN PERKHIDMATAN
AWAM MALAYSIA



UST. HJ. SHAHRUL FAZLI BIN ABU HASSAN
PENSYARAH KANAN

Tahniah

atas lantikan sebagai

HRD CORP ACCREDITED TRAINER

daripada

HRD CORP
KEMENTERIAN SUMBER
MANUSIA



JULIE MARLINA BINTI HASAN
PENSYARAH KANAN

Tahniah

atas lantikan sebagai

NAIB Pengerusi NUTP Cawangan Negeri Sembilan

daripada

KESATUAN PERKHIDMATAN
PERGURUAN KEBANGSAAN
MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



UST. YUSNIZAM BIN YAHAYA
PENSYARAH

Tahniah

atas lantikan sebagai

PEMEGANG TAULIAH AGAMA

daripada

JABATAN MUFTI
KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN



UST. MOHAMMAD NIZAR BIN MAHZIR
PENSYARAH



CORETAN AKADEMIA

BETTER EDUCATION FOR BETTER LIFE

Education is the cornerstone of personal growth and societal progress. It is not merely the transmission of information but a dynamic process that nurtures minds, shapes character, and empowers individuals to lead purposeful and fulfilling lives. The phrase “Better Education for Better Life” encapsulates a timeless truth - when education flourishes, so does the well-being of individuals, families, communities, and nations.

By : *Dr. Diana Ahmad Busra*



“Education is the most powerful weapon which you can use to change the world.”

— Nelson Mandela

A better education system does more than promote academic success. It supports the holistic development of learners - mentally, emotionally, socially, and spiritually. It encourages curiosity, creativity, empathy, and resilience. This aligns closely with the Malaysian National Education Philosophy (NEP), which aspires to develop intellectually, spiritually, emotionally, and physically balanced and harmonious individuals, based on

a firm belief in and devotion to God. The ultimate goal is to produce citizens who are knowledgeable, ethical, and responsible, capable of contributing meaningfully to the well-being of society and the nation. As John Dewey insightfully stated:

“Education is not preparation for life; education is life itself.”



Malaysia's educational vision echoes this belief, placing equal emphasis on character formation and lifelong learning, ensuring that education is not merely a stepping stone to employment but a lifelong foundation for meaningful living. Through education, we learn how to think, not what to think. We gain the tools to ask meaningful questions, solve complex problems, and engage with the world as active, informed citizens. In this sense, education is not limited to the classroom; it is a lifelong journey that helps individuals unlock their potential and contribute meaningfully to society.

However, better education is not just about increasing access; it is about ensuring quality, equity, and relevance. True educational reform recognizes the diversity of learners and provides inclusive, flexible, and responsive learning environments. A child's background, gender, ability, or economic status should never limit his or her opportunity to receive a quality education. When we invest in systems that promote equity, we invest in justice and human dignity.

This focus on education is not a modern concept. It has deep roots in many cultures and faiths, including Islam.

ﷺ The Prophet Muhammad
:proclaimed

“Seeking knowledge is an obligation upon every Muslim.”

(Sunan Ibn Mājah 224)

This profound declaration reminds us that education is a sacred responsibility - one that elevates the soul and uplifts the community. It is an ethical imperative, a lifelong pursuit, and a path to enlightenment. Throughout history, great Muslim scholars have echoed this view. Imam Al-Ghazali beautifully observed:



“Knowledge exists potentially in the human soul like the seed in the soil; by learning the potential becomes actual.”

— Imam Al-Ghazali

Education, then, is a process of awakening of helping the soul bloom. Likewise, Ibn Sina (Avicenna), a great physician, medical scholar and philosopher asserted his perspective on knowledge:

“The world is divided into men who have knowledge, and those who do not. The ones with knowledge must guide the ones who do not have it.”

His philosophical words underline the importance of intellectual leadership in shaping societies. Those who are educated bear the responsibility to lead with wisdom and integrity. In today’s rapidly changing world, basic literacy is no longer sufficient. Learners must develop 21st-century competencies: digital literacy, creativity, communication, collaboration, and critical thinking. As artificial intelligence, automation, and global interdependence reshape the job market and social structures, education systems must evolve to prepare learners not just for work but for life.

However, in the race toward innovation, we must not forget the human dimension of education. Schools must continue to be places where compassion, mutual respect, cultural understanding, and ethical reasoning are nurtured. Education must create thinkers and doers - but also kind, responsible, and



ethical human beings. At the heart of this vision are teachers/educators. Great educators do more than deliver lessons they inspire, guide, and empower. Their impact transcends generations. As Henry Adams once remarked:

“A teacher affects eternity; he can never tell where his influence stops.”

To build a better education system, we must invest in our teachers through ongoing professional development, emotional support, and recognition of their critical role in nation-building.



Moreover, the benefits of better education extend far beyond individual achievement. According to a UNESCO Global Education Monitoring Report (2017), each additional year of schooling can increase a person's earnings by up to 10% and significantly reduce the risk of poverty. Educated individuals are more likely to make informed health decisions, engage in democratic processes, and support the education of their own children - creating a virtuous cycle of development that uplifts entire communities and contributes to national progress. Malcolm X said ;

“Education is the passport to the future, for tomorrow belongs to those who prepare for it today.”

In addition, better education fosters peace and social cohesion. It breaks down barriers of ignorance and prejudice, helping people see the shared humanity in others. In a world marked by conflict and division, education remains our most powerful force for understanding and unity.



A better life is not a distant vision. It is within reach, through the classroom, the library, the mentorship, and the shared belief that everyone deserves the opportunity to learn and thrive.

Let us work together to keep the doors of education wide open for every child, every learner, everywhere!

职业教育与培训 (TVET)：马来西亚青年发展的核心支柱

Written by : Susan S Magallanes

在马来西亚经济转型与全球技术革命的背景下，职业教育与培训 (TVET) 正成为解决青年就业困境、推动社会公平与国家竞争力的关键战略。当前，马来西亚青年失业率高达15%，远高于全国平均水平 (3.5%)，凸显了传统教育与职场需求的脱节。与此同时，国家产业政策聚焦工业4.0、数字经济与绿色技术，急需大量技能型人才。TVET以“实践为导向”的教育模式，成为连接青年能力与产业需求的桥梁，其重要性体现在以下三方面：

第一，破解就业结构性矛盾，赋能青年经济自立。TVET课程直接对接行业需求，例如智能制造、数字营销、可再生能源等领域，培养“即用型”技能人才。马来西亚与德国合作的双元制职业教育（如German-Malaysian Institute项目），将课堂学习与企业实训结合，毕业生多进入西门子、博世等跨国企业，起薪可达3000林吉特以上，显著高于普通文凭持有者。此类项目不仅缓解了制造业技术工人短缺问题，更帮助青年摆脱“高学历低就业”的困境。

第二，促进社会包容，激活草根经济潜力。

TVET为农村地区、低收入家庭和学业成绩普通的学生提供了公平的发展机会。政府通过免学费政策、企业奖学金（如国家石油公司赞助的技工培训计划）降低入学门槛，助力弱势青年掌握一技之长。此外，TVET课程融入创业培训，例如农业科技领域的“青年农业企业家计划” (Agropreneur Muda)，支持青年利用现代农业技术经营棕榈油加工、有机农场等项目，既创造就业机会，也推动乡村经济多元化。



第三，支撑国家战略，提升国际竞争力。

马来西亚在《2030年共享繁荣愿景》中明确将TVET作为经济升级的支柱。政府通过校企合作（如MDEC与TVET机构联合培养数字人才）、引入国际认证体系（如德国AHK证书），确保人才培养符合全球标准。以柔佛州伊斯干达经济区为例，当地TVET学院与新加坡企业合作，定向输送电子工程、机器人维护等专业人才，助力马来西亚在区域产业链中占据高附加值环节。

然而，TVET的潜力仍受限于社会偏见与政策短板。许多家庭将大学教育视为“成功唯一路径”，轻视技能职业的价值；部分TVET机构设备陈旧，课程更新滞后于技术迭代。对此，马来西亚需加强公共宣传，重塑“技能即资本”的社会认知，同时深化校企合作，鼓励企业投资实训中心（如森那美集团与职业学院的汽车工程合作项目），并整合分散在教育部、人力资源部等多部门的TVET资源，建立统一的质量标准。

对马来西亚青年而言，TVET不仅是谋生工具，更是实现个人价值、参与国家建设的通道。通过政策创新与社会协作，TVET有望培养出兼具技术实力与创新思维的“新世代工匠”，帮助青年在全球化与数字化的浪潮中站稳脚跟，真正成为国家转型的驱动力。

في محطة العمل



JOM BELAJAR BAHASA ARAB

BERSAMA

Ust Yus



Pesan Buat Diri

Rasuah itu bukan rezeki,
Ia racun dalam pek budi.
Sekali terima, dua kali terikat,
Lama-lama hati jadi gelap pekat.
Hari ini sedikit disogok,
Esok prinsip mula goyang,
Lama-lama integriti retak,
Negara pun hilang arah pandang.
Jangan bangga hidup senang,
Kalau jalan dilapisi curang,
Kerana setiap sen yang haram,
Ada doa orang yang teraniaya, terpendam.
Mari kita pilih jalan berani,
Tolak rasuah, junjung amanah tinggi.
Negara ini milik kita semua,
Biar bersih, biar bermaruah selamanya.

Nukilan ;
Muhammad Nizar bin Mahzir
Penyelaras Kursus Kursus Integriti dan
Anti-Rasuah (KIAR)





PERANAN KAEDAH FIQH DALAM TEKNOLOGI AI

Oleh :
Nor Khayati binti Basir

Kecerdasan buatan (AI) semakin penting dalam kehidupan moden, namun ini turut menimbulkan persoalan etika dan hukum Islam. Di sinilah peranan kaedah fiqh menjadi kunci dalam memastikan teknologi ini sejajar dengan syariah.

Pertama, kaedah seperti **“asal sesuatu itu harus”** memberi ruang inovasi, selagi tiada dalil yang melarang. Kedua, prinsip **“tiada mudarat”** dan **“penipuan dilarang”** membantu mengawal risiko penyalahgunaan AI seperti manipulasi maklumat atau pelanggaran privasi.

Selain itu, kaedah fiqh membantu memastikan pembangunan AI selari dengan maqasid syariah seperti menjaga nyawa dan akal. AI dalam bidang kesihatan misalnya, membawa manfaat besar, manakala AI dalam perjudian atau fitnah harus ditolak.

Kesimpulannya, kaedah fiqh memberi panduan penting untuk menilai, mengawal, dan memanfaatkan AI secara beretika, adil, dan berlandaskan Islam.

RAKAN KOLABORASI INDUSTRI



JPA



1

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan (JHEAINS)



2

Institut Pembangunan dan
Kecemerlangan Kepimpinan (i-Lead)
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

3

Tabung Haji Cawangan Negeri
Sembilan



4

PD Ostrich Show Farm

5

Jabatan Belia dan Sukan
Negeri Sembilan



JPA



6

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia Negeri Sembilan**



7

**Pusat Pemulihan Intervensi Awal
Dalam Komuniti (PDK) Lukut**

8

Lembaga Muzium Negeri Sembilan



Lembaga Muzium
Negeri Sembilan



يَايَا لِّلْمَن قَسِيَا غَوْن اِيْكَوْنُو مَجْد اِلْسْلَام مَالِيْسِيَا

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

9

**Yayasan Pembangunan Ekonomi
Islam Malaysia (YaPEIM)**



10

**Universitas Islam Negeri
Sumatera Utara Medan (UINSU)**



UNIVERSITAS ISLAM NEGERI
SUMATERA UTARA MEDAN

JPA



11

**Yayasan Dakwah Islamiah
Malaysia (YADIM)**



مجلس اڪرام اسلام نگرى سنبيلان
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

12

**Majlis Agama Islam
Negeri Sembilan
(MAINS)**

13

**Perbadanan Kemajuan
Kraftangan Malaysia
(Negeri Sembilan)**



14

**Jabatan Kebudayaan dan
Kesenian Negara
(Negeri Sembilan)**

15

**SOLS Foundation
Skills Hub | Solar Academy |
TVET Academy | Energy Access**



LENSA AKADEMIKA

e ISBN 978-629-7643-62-5



9 786297 643625

POLITEKNIK PORT DICKSON
(online)